



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PENGURANGAN KADAR LEVI LANJUTAN BAGI PEKERJA ASING



Kementerian Kewangan Malaysia

PENGURANGAN KADAR LEVI LANJUTAN BAGI PEKERJA ASING

Sektor	Kadar Levi Lanjutan (Pengumuman Belanjawan 2019)	Kadar Levi Lanjutan (Bermula 1 Mac 2019)
Pembuatan	RM10,000	RM6,000
Perkhidmatan (Restoran/Pembersihan)	RM10,000	RM6,000
Pembinaan	RM10,000	RM6,000
Pertanian	RM3,500	RM2,000
Perladangan	RM3,500	RM2,000

Kerajaan Persekutuan prihatin dengan cabaran-cabaran yang dihadapi peniaga dan perusahaan dalam keadaan global yang tidak menentu. Oleh itu Belanjawan 2019 telah mengesyorkan agar majikan boleh melanjutkan tempoh perkhidmatan pekerja asing mereka yang melebihi sepuluh tahun, untuk tempoh tambahan 3 tahun dengan menanggung pembayaran kadar levi bagi pekerja asing yang ingin dilanjutkan.

Demi memberikan satu lagi pilihan dan kelonggaran kepada industri, Jemaah Menteri pada mesyuarat bertarikh 20 Februari 2019 telah bersetuju supaya kadar levi lanjutan bagi pekerja asing diturunkan berkuat kuasa 1 Mac 2019, buat sementara waktu untuk tempoh setahun, sebagai usaha meringankan beban para majikan (lihat rajah di bawah).

Kadar baharu yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2019 sehingga 29 Februari 2020 adalah seperti berikut.

Jadual 1: Kadar Levi Lanjutan Tahunan untuk Pekerja Asing

No.	Sektor	Kadar Levi Lanjutan Tahunan Dalam Pengumuman Belanjawan 2019	Kadar Levi Lanjutan Bermula 1 Mac 2019
i	Pembuatan	RM10,000	RM6,000

ii	Perkhidmatan (Restoran/Pembersihan)	RM10,000	RM6,000
iii	Pembinaan	RM10,000	RM6,000
iv	Pertanian	RM3,500	RM2,000
v	Perladangan	RM3,500	RM2,000

Untuk pembantu rumah, levi sedia ada yang sama seperti sebelum ini dikekalkan tanpa perubahan.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
23 Februari 2019

Tweet

Like

Be the first of your friends to like this.